



JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (2) Disember 2017(081-092)

Menyulam Budaya dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

Mardian Shah Omar¹
ardianshah69@gmail.com¹

Azman Rahmat²
sabtu_man@yahoo.com²

Yusfarina Mohd Yussof³
yusfarina@ipgm.edu.my³

*Universiti Tenaga Nasional
Institut Pendidikan Guru Malaysia*

Abstrak

Pengetahuan tentang nilai budaya merupakan salah satu elemen penting dalam pengajaran bahasa kepada penutur asing. Aspek budaya ini boleh disampaikan secara sepontan, melalui topik-topik tertentu dalam silibus ataupun melalui cara yang disulam satu persatu dalam silibus yang diajar. Pengetahuan berbahasa tidak mudah diperolehi atau difahami oleh penutur asing jika hanya melalui pengajaran secara teori di dalam kelas ataupun hanya berpandukan visual melalui buku pembelajaran. Justeru kajian ini cuba menerapkan pendekatan interaktif budaya yang disulam jalin melalui bab-bab tertentu dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. Kajian ini cuba melihat sejauh mana pendekatan interaktif budaya ini dapat membantu pelajar antarabangsa, iaitu yang merupakan penutur asing dapat meningkatkan kebolehan berbahasa mereka sekali gus memahami tentang dunia Melayu itu sendiri. Kajian ini dibuat ke atas pelajar antarabangsa yang mengikuti kelas bahasa Melayu di Universiti Tenaga Nasional, UNITEN. Data diperolehi melalui hasil sesi temu bual, pemerhatian dan juga penelitian dokumen-dokumen yang berkaitan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan kebolehan berbahasa penutur asing ini menjadi lebih baik terutamanya dalam aspek penulisan berbanding sesi pengajaran tanpa pengaplikasian interaktif budaya ini. Seperti di UNITEN, pendekatan interaktif budaya ini didapati sangat berkesan dan sesuai diaplikasi kepada pelajar yang beraliran sains yang bersifat teknikal.

Kata kunci: *budaya, bahasa Melayu, pengajaran, antarabangsa, interaktif, penulisan, berkesan*

Embroiding Culture in Malay Language Teaching for Foreign Speakers***Abstract***

Knowledge of cultural values is one of the key elements of language teaching to foreign speakers. These cultural aspects can be presented on a slant, through specific topics in the syllabus or through the one-to-one way of teaching in the syllabus. Knowledge of language is not easily obtained or understood by foreign speakers if it is only through theoretical teaching in the classroom or simply based on visual learning through the book. Hence, this study attempts to apply a culturally interactive approach that is embroidered through specific chapters in the teaching of Malay language for foreign speakers. This study attempts to see how far this cultural interactive approach can help international students as a foreign speakers, can improve their language ability and thus understand the Malay world itself. This study was conducted on international students who attended Malay language classes at University Tenaga Nasional, UNITEN. Data is obtained through the results of interview sessions, observations and research related documents. The findings also show that the ability of the speakers of this language to be better, especially in terms of writing rather than teaching sessions without this cultural interactive application. As in UNITEN, this cultural interactive approach is found to be very effective and appropriately applied to students who are involving in technical sciences.

Keywords: culture, Malay, teaching, international, interactive, writing, effective

1. Pengenalan

Terdapat keserasian antara aspek budaya dengan pengajaran bahasa, terutamanya dalam mengajar sesuatu bahasa itu kepada penutur asing (Hardley 2001: 346). Galloway (1980) dan Lafayette & Strasheim (1981), menyatakan bahawa terdapat banyak kebaikan yang pelajar boleh dapati dan fahami apabila aspek budaya diambil kira dalam pengajaran bahasa. Kebaikan tersebut termasuklah perkara-perkara seperti pemerolehan pengetahuan kemanusiaan, kebolehan berbahasa dan kesensitifan budaya, kestabilan ekonomi dan seumpamanya (Hardley 2001: 346). Sesungguhnya pengajaran bahasa kepada penutur bukan natif sudah pasti akan menjadi bertambah menarik sekiranya diselitkan unsur-unsur budaya ke dalamnya. Unsur budaya ini dapat dijadikan rencah dan memberikan aroma kepada bahasa yang menjadi makanan kepada pelajar yang mempelajari bahasa tersebut. Mengaitkan unsur budaya ini bukan sahaja menarik malah hal ini akan meningkatkan lagi pemahaman pelajar baik sama ada dalam ruang lingkup peningkatan penghayatan kosa kata ataupun dalam konteks penggunaannya.

Pengajaran bahasa juga akan jadi lebih menarik dengan adanya penerapan unsur-unsur budaya bagi masyarakat bahasa yang dipelajari. Melalui cara ini pelajar akan lebih mudah memahami cara bertutur yang lebih santun dan mudah untuk mendekati serta mempraktikkan penggunaan bahasa yang dipelajari tersebut. Justeru, makalah ini cuba perlihatkan bagaimana aktiviti interaktif budaya dapat diterapkan dalam pengajaran bahasa Melayu (BM) dan bagaimana bahasa yang diajar tersebut dapat dihubungkan dengan budaya itu sendiri agar ia dapat dijadikan satu daya tarikan untuk pelajar asing mempelajari BM.

2. Objektif Kajian

- 2.1 Melihat sama ada kaedah interaktif budaya ini dapat dipraktikkan dalam pengajaran BM sebagai bahasa asing.
- 2.2 Melihat sama ada kaedah ini dapat memberi pemahaman yang cepat kepada para pelajar asing sekali gus dapat meningkatkan penguasaan BM pelajar.
- 2.4 Mengenal pasti aspek budaya Melayu yang sesuai untuk dikaitkan dengan pengajaran bahasa.

3. Permasalahan Kajian

Perbincangan tentang bagaimana unsur budaya itu dapat dikaitkan dengan sesuatu topik yang diajarkan kepada pelajar asing kurang dapat kita temui. Ataupun perbincangan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti budaya yang dijalankan dalam pengajaran bahasa agak kurang dibincangkan sebelum ini. Begitu juga dengan yang menerangkan bentuk atau aspek budaya yang sesuai untuk dikaitkan dengan sesuatu pengajaran itu, terutamanya dalam konteks pengajaran BM kepada penutur asing memang sedikit.

Contohnya buku *Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing* (Atiah & Ramlah: 2003), yang banyak membicarakan kaedah pengajaran secara am dan pengalaman-pengalaman tenaga pengajar di tempat masing-masing. Namun buku ini kurang berkongsi pandangan tentang aktiviti dan cara bagaimana mereka mengaplikasikan aktiviti-aktiviti tersebut dalam pengajaran masing-masing.

Ini sangat penting kepada tenaga pengajar lain untuk mendapatkan pedoman bagi mengaplikasikannya dalam pengajaran mereka sekali gus menjadikan pengajaran tersebut lebih menarik dan berkesan, serta menarik minat orang asing untuk mengetahui bahasa dan budaya Melayu. Konsep budaya yang cuba dijelaskan dalam kajian ini adalah berdasarkan kerangka teori yang diketengahkan oleh B. F. Skinner (1957) yang menghubungkan pengajaran itu kepada aspek ransangan dan maklum balas. Di sini setiap aspek budaya yang ditonjolkan akan menjadi ransangan kepada pelajar dan maklum balas dalam bentuk tindakan itu pula akan dicernakan oleh para pelajar tadi dalam rutin kehidupan penggunaan bahasa tersebut. W.M. Rivers (1964) mengatakan bahawa makna kata dapat dipelajari dalam konteks budaya hidup dan ini adalah cara yang berkesan dalam menafsir sesuatu makna kata itu.

4. Kaedah Kajian

Dalam kajian ini pengkaji hanya cuba mengenal pasti aktiviti-aktiviti budaya yang diterapkan dan melihat kaitannya dengan pengajaran BM sebagai bahasa asing. Justeru data-data yang diambil adalah secara keseluruhan dan tidak mengikuti peringkat atau tahap pengajaran bahasa tersebut.

Data-data bagi kajian ini diperolehi melalui proses menemu-bual guru-guru sebagai tenaga pengajar, para pelajar yang mengikuti kursus-kursus tersebut dan juga penelitian dokumen-dokumen bertulis seperti silibus yang diajar di dalam kelas, rancangan pengajaran guru, bahan-bahan pengajaran dan yang berkaitan. Selain itu, data-data juga diperolehi dengan pemerhatian dan pengalaman pengkaji semasa berada di dalam kelas pengajaran, iaitu semasa data ini diambil di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Kepelbagaian dalam penerapan kaedah bagi memperolehi dapatan kajian ini adalah berdasarkan pandangan Burgess (1984: 53-55) yang mengatakan bahawa dalam kajian Sains Sosial pemilihan kaedah kajian tidaklah terhad kepada sesuatu kaedah tertentu tetapi boleh melibatkan beberapa kaedah yang dapat mengikut sasaran objektif dan membantu hipotesis kajian tersebut.

5. Hasil Kajian

Data-data yang dipaparkan dalam kajian ini adalah secara keseluruhan dan tidak mengikut peringkat-peringkat pengajaran tertentu. Dapatan bagi kajian ini dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut aspek tatabahasa ataupun topik yang diajar.

Kini pengajaran BM di UNITEN telah diperkembangkan menjadi 2 tahap (sebelum ini hanya satu tahap), iaitu tahap 1 yang dikenali sebagai MALB 103 – Bahasa Melayu Untuk Pelajar Antarabangsa dan tahap 2 yang dikenali sebagai MALB 203 – Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing. Dalam kajian ini pengkaji mendapati pengajaran BM di UNITEN, mengaplikasikan beberapa aspek berbudaya seperti;

5.1 Aspek Sapaan

Dalam hal ini, apabila guru telah mengajar dan memperkenalkan kata-kata sapaan dan ucapan kepada para pelajar, pelajar-pelajar ini diminta untuk menggunakan kata sapaan tersebut pada setiap kali mereka masuk ke kelas sebelum memulakan pembelajaran dan juga pada setiap kali semasa mereka keluar dari pintu kelas untuk pulang. Di sini guru akan membuka pintu lalu menunggu di pintu sementara para pelajar masuk sambil menyapa guru dengan kata sapaan yang sesuai dan intonasi yang betul.

Contoh: “Selamat pagi Encik Arif. Apa khabar?”

Dalam masa yang sama guru juga perlu menunjukkan interaksi yang betul, iaitu dengan memberi sapaan balas yang betul. Setelah menamatkan kelas pengajaran, sekali lagi guru akan menunggu di tepi pintu, iaitu sebelum para pelajar keluar meninggalkan kelas, para pelajar ini akan diminta untuk menyapa guru kelas seorang demi seorang dengan menggunakan kata sapaan dan ucapan yang sesuai.

Contoh: “Terima kasih Encik Arif. Jumpa lagi.”

Perkara ini akan berulang pada setiap hari apabila adanya kelas pengajaran tersebut. Perkara ini dibuat bagi tujuan pengukuhan kepada apa yang telah diajar. Di sini peranan guru haruslah lebih bersabar dan perlu memainkan peranan yang lebih dalam mengekalkan interaksi bersama pelajar. Pada masa yang sama, pelajar juga digalakkan untuk menyapa guru kelas walaupun berada di luar waktu kelas. Markah bonus akan diberi sekiranya pelajar tersebut ternampak guru mereka, mereka harus mendapatkan guru mereka dan memberi ucap selamat yang betul. Untuk itu markah bonus akan diberikan kepada mereka. Perkara penggalakan seperti ini amat penting bagi merangsang pelajar untuk terus mengaplikasi apa yang telah mereka pelajari.

Kata sapaan di atas akan ditambah dengan kata keterangan waktu setelah guru kelas mengajarnya. Di UNITEN kata keterangan waktu (KW) diajar bersama dengan sistem penomboran.

Contoh: “Terima kasih Encik Arif. Jumpa lagi minggu depan.”

Dengan adanya kaedah interaktif sebegini pelajar akan lebih jelas dengan penggunaan kosa kata yang diajar kepadanya dan ditambah pula dengan proses pengukuhan yang dilakukan pada setiap kali kelas pengajaran.

5.2 Aspek Budaya Dalam Penggunaan Kata Nama (KN)

Dalam meningkatkan penggunaan kosa kata (KN), guru telah perkenalkan kepada pelajar beberapa KN yang melibatkan pakaian dan permainan tradisional Melayu serta makanan Melayu. Contohnya;

a. Pakaian Tradisional

Baju Melayu
Baju kurung
Songkok
Samping

b. Permainan dan Alat Muzik Tradisional

Sepak raga
Congkak
Kompang

c. Makanan Melayu

Ketupat
Rendang
Dodol
Nasi lemak

Para pelajar di UNITEN ini bukan sahaja diperkenalkan kosa kata-kosa kata tersebut malah pelajar tersebut juga turut diminta untuk mengenal pasti sendiri tentang kosa kata ini dengan mencari imej (*google image*) kosa kata tersebut melalui internet dan kemudian diminta untuk menunjukkan kepada guru hasil yang diperolehi sebagai bahan bukti. Dengan cara ini pelajar akan dapat melihat terlebih dahulu sebelum guru memvisualisasikan kosa-kosa kata tersebut kepada pelajar. Semua yang diajarkan di dalam kelas ini kemudiannya diaplikasikan secara praktikal.

Bagi mengukuh dan menguji pemerolehan pengajaran berbudaya ini, para pelajar Timur Tengah ini telah diuji dengan membuat esei pendek berdasarkan frasa-frasa budaya yang disenaraikan untuk digabung jalin agar menjadi ayat yang lengkap.



Gambar 1: Para pelajar diberi peluang untuk bermain kompang dan juga bersalam dengan para pelajar tempatan pada hari budaya

Dalam sesi praktikal ini juga para pelajar diberi peluang untuk menggunakan semula kata-kata yang telah dipelajari termasuklah kata nama, kata kerja mahupun kata sifat. Pengkaji mendapati di UNITEN tenaga pengajar menggunakan kaedah berstruktur dalam pembinaan ayat (Mardian Shah, 2015). Ringkasnya, pengajaran di UNITEN ini berkait rapat dengan silibus pengajaran yang telah disusun.

- Contoh:
- a. memasak ----- rendang ----- sedap
 - b. memukul ----- kompang ----- kuat
 - c. memakai ----- baju ----- cantik




Gambar 2: Para pelajar diberi peluang untuk mengenali bahan-bahan memasak dan mempelajari cara-cara memasak rending

Di UNITEN pengajaran ini juga diperkukuhkan dengan aktiviti-aktiviti seperti ujian lisan, iaitu menyanyikan lagu Melayu yang bertujuan untuk menambah kosa kata serta meningkatkan pengetahuan pelajar dalam penggunaan kata-kata yang mereka telah pelajari. Para pelajar Timur Tengah ini juga diberi peluang untuk memperdengarkan kebolehan mereka dalam nyanyian lagu Melayu ini dalam pertandingan yang dianjurkan. Selain daripada itu, para pelajar ini juga turut dibawa menyertai sesi lawatan seperti lawatan ke Melaka, Rumah Inap Haji Dorani di Tanjung Karang dan juga ke Pulau Pinang.

5.2 Aspek Budaya Dalam Penggunaan Kata Adjektif (KA)

Di UNITEN pelajar Timur Tengah ini adalah dalam kalangan pelajar yang mengikuti jurusan Kejuruteraan dan juga Teknologi Maklumat. Para pelajar ini diwajibkan mengambil kursus BM ini pada peringkat asas. Walau bagaimanapun, mereka tidak diwajibkan mengambil kursus ini pada semester pertama ataupun pada tahun pertama. Pengkaji mendapati pengajaran kata adjektif (KA) di UNITEN adalah berdasarkan pembahagian KA yang terdapat dalam *Tatabahasa Dewan* (1997: 211), iaitu termasuklah KA sifatan atau keadaan, warna, ukuran, bentuk, waktu, jarak, cara, perasaan dan pancaindera.

Data-data yang diperolehi menunjukkan pengajaran BM kepada penutur asing dari Timur Tengah ini melibatkan perkara-perkara seperti;



Rajah 1: Menunjukkan hubungan budaya Melayu dengan pengajaran Kata Adjektif

A. Makanan Melayu

Pengajaran KA rasa seperti manis, masam, masin, pedas, lemak dan seumpamanya, diperkenalkan melalui beberapa jenis makanan Melayu. Penerangan tentang makanan ini lebih berdasarkan kepada waktu. Contohnya; Makan pagi, guru memperkenalkan kepada pelajar tentang nasi lemak, roti canai, nasi goreng, mee, bihun dan beberapa jenis kuih. Makan tengah hari, guru menerangkan tentang nasi putih, lauk-pauk, ulam-ulaman dan sebagainya. Minum petang pula guru memperkenalkan pisang goreng, bubur, cendul, rojak dan seumpamanya. Kelebihan yang ada di UNITEN ini adalah terdapatnya gerai-gerai makanan Melayu di luar pintu masuk universiti. Jadi ini memudahkan guru untuk meminta atau membawa pelajar bagi mengenali pelbagai jenis makanan ini. Ini juga memudahkan pelajar untuk mendapat pengetahuan secara tidak formal semasa aktiviti praktikal dijalankan. Walau bagaimanapun, kaedah ini hanya dapat diaplikasikan sekiranya bilangan pelajar bagi sesebuah kelas tersebut tidak melebihi 20 orang. Jika pelajar terlalu ramai, guru pasti akan mengalami kesukaran untuk mengawal para pelajar tersebut. Keadaan ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk lebih mudah mempraktikkan pembelajaran mereka secara santai sambil dibimbing oleh guru. Beberapa contoh penerangan guru berkaitan makanan ini adalah seperti berikut;

Contoh	Bahan	Rasa	Alasan
a.	Nasi	rasanya lemak	ada santan kelapa
b.	Sambal	rasanya pedas	ada cili (cili kering)
c.	Ayam	rasanya sedap	goreng rempah

Contoh	Jenis Makanan	Rasa	Asal
a.	Asam pedas	rasanya masam dan pedas	masakan orang Melaka
b.	Masak lemak cili api	rasanya lemak dan pedas	masakan orang Negeri Sembilan
c.	Rendang ayam atau daging	rasanya berempah	masakan utama hari raya
d.	Tomyam	rasanya pedas	asal masakan orang Thailand

B. Buah-Buahan Tempatan

Para pelajar diperkenalkan dengan musim buah-buahan dan jenis buah-buahan. Beberapa jenis buah-buahan tempatan seperti tembikai, manggis, rambutan, jambu air, tebu, limau nipis dan sebagainya telah dibawa oleh guru ke kelas untuk dirasa sendiri oleh pelajar semasa mengajar KA. Bukan itu sahaja, guru juga turut perkenalkan jus tembikai, air limau nipis dan air tebu untuk pelajar rasa perbezaan air tersebut. Di sini pelajar boleh mempraktik dan mengukuhkan kata-kata adjektif yang telah dipelajarinya. Selain daripada merasa sendiri buah-buahan ini, pelajar juga diminta untuk menggambarkan sifat buah-buah tersebut melalui pendekatan fitur.



Rajah 2: Menunjukkan fitur-fitur bagi buah rambutan

Melalui kaedah fitur ini pelajar dapat membayangkan sesuatu jenis buah itu walaupun mereka hanya disogokkan dengan gambar-gambar sahaja. Di UNITEN pengajaran seperti ini sering diaplikasikan

semasa pengajaran di dalam kelas. Walau bagaimanapun pengaplikasian budaya ini diteruskan lagi dengan membawa para pelajar ini ke pasar ataupun pasar malam dan sekiranya berpeluang pelajar juga dibawa ke dusun buah-buahan untuk merasai dan mengalami sendiri suasana musim buah-buahan. Pengajaran seperti ini dianggap sebagai bahan *authentic* oleh Kramsch (2001: 177-179). Bagi meningkatkan lagi latihan KA mereka, para pelajar Timur Tengah ini diminta untuk menggambarkan semula pengalaman mereka ataupun suasana yang dialami mereka semasa berada di dusun buah tadi ataupun di pasar malam yang mereka pergi.

C. Kampung Melayu

Apabila para pelajar ini dibawa ke kampung-kampung, mereka diajar pula dengan persekitaran di kampung yang melibatkan KA suasana. Dalam masa yang sama juga guru membandingkan suasana di kampung dengan suasana di bandar. Secara tata bahasanya guru akan memberikan latihan kata berlawanan atau antonim kepada pelajar. Ini dapat ditunjukkan seperti gambar rajah di bawah;



Rajah 3: Menunjukkan fitur-fitur bagi suasana kampung

D. Kain Pakaian

Pakaian Melayu dan jenis kain seperti songket, batik lukis, batik cop, kain sulam dan sebagainya juga turut diperkenalkan di dalam kelas pengajaran yang terdapat dalam kajian ini. Selain daripada itu, guru juga menunjukkan kepada pelajar kegunaan kain tersebut dan cara pemakaiannya. Dalam menerangkan KA ini guru membawa kain-kain tersebut ke dalam kelas, dan meminta untuk pelajar menggunakan deria rasa (tangan) untuk menerangkan sifat kain-kain tersebut.

Contoh:

1. Kain songket dapat mewakili KA;
Cantik, mahal, kasar, berat, keras
2. Kain batik dapat mewakili KA;
Lembut, sejuk, murah, warna-warni

Selain itu para pelajar juga diberi peluang untuk mencuba pakaian tersebut di dalam kelas atau semasa di dalam bengkel budaya.



Gambar 3: Para pelajar diberi peluang untuk mengenali proses mencanting batik dan mempelajari cara-cara pergerakan dalam seni tari Melayu



Gambar 4: Para pelajar diperkenalkan dengan cara-cara menganyam ketupat dan mempelajari cara-cara bermain congkak

6. Perbincangan

Kajian mendapati bahawa dalam pengajaran interaktif budaya ini guru perlu bijak dalam menerangkan kepada pelajar tentang konteks penggunaan kosa kata yang betul dan tepat. Kekeliruan mungkin berlaku apabila para pelajar ini dipengaruhi oleh terjemahan bahasa Inggeris atau bahasa ibunda mereka dalam mengaplikasikan penggunaan kosa kata yang telah diajar. Justeru pengajaran berkaedah *authentic* seperti ini amat berkesan kerana pelajar sendiri dapat mengalaminya dan memahami konteks sebenar penggunaan kosa kata itu tadi dalam ruang lingkup budaya Melayu. Kekeliruan-kekeliruan yang mungkin berlaku dapat ditunjukkan seperti berikut;

<i>hot</i>	– pedas, panas
<i>thick</i>	– tebal, pekat
<i>thin</i>	– kurus, nipis
<i>beautiful</i>	– cantik, indah
<i>old</i>	– lama, tua

Kajian mendapati aktiviti interaktif budaya yang dijalankan di dalam mahupun di luar kelas ini berjaya diaplikasikan di UNITEN. Penglibatan yang serius yang ditunjukkan oleh para pelajar menunjukkan

adanya minat yang mendalam pada pelajar ini untuk memahami dan mempelajari bahasa dan budaya Melayu itu. Jumlah atau bilangan pelajar yang lebih kondusif dan tidak ramai membolehkan guru mengaplikasikan cara ini dengan lebih berkesan. Sekiranya bilik pengajaran berdekatan dengan kafetaria memudahkan lagi tugas-tugas pengajaran seperti ini dilaksanakan. Faktor yang mengekang di UNITEN adalah kelas bagi program bahasa yang dijalankan ini sentiasa berubah-ubah dengan saiz dan keadaan yang berbeza-beza. Jumlah pelajar yang dimuatkan juga kadang-kala terlalu ramai dan mereka ini juga adalah dalam kalangan mereka yang terpaksa mengambil kursus wajib ini. Tambahan lagi di UNITEN, persekitaran kelas pengajaran yang menjalankan kursus BM ini kurang membantu dan tidak tetap, iaitu berubah-ubah mengikut semester.

Berdasarkan dapatan kajian ini juga, pengkaji mendapati pemahaman pelajar terhadap bahasa yang dipelajari semakin meningkat dengan adanya aktiviti interaktif budaya ini. Peningkatan ini juga terlihat dalam aspek penulisan pelajar Timur Tengah ini (Mardian Shah, 2015). Bukan itu sahaja malah aktiviti-aktiviti ini mampu meningkatkan minat para pelajar Timur Tengah ini untuk mempelajari bahasa dan budaya ASEAN ini sekali gus menggunakannya dalam kalangan masyarakat tempatan. Sesungguhnya kaedah yang diguna pakai ini boleh diaplikasikan oleh mana-mana institusi lain yang ingin menerapkan aspek budaya dalam pengajarannya.

7. Kesimpulan

Mempromosi budaya dan bahasa ASEAN melalui aktiviti interaktif budaya ini sememangnya amat berkesan dalam pengajaran bahasa kepada penutur asing. Dalam pengajaran bahasa ini, Yet Lange (1999) dalam Hardley (2001) berpendapat "*culture still remain a superficial aspect of language learning*". Begitu juga dengan Walker & Noda (2000) dalam Hardley (2001), yang berpendapat bahawa "*in the study of language, nothing has been discuss more and with less effect than the relationship between language and culture*". Jadi untuk menarik minat orang asing untuk belajar BM, pastinya budaya dapat dijadikan eset penarik dan pemangkin kepada pengajaran bahasa. Pendekatan pengajaran BM kepada penutur asing yang berasaskan interaktif budaya ini mudah diaplikasikan sekiranya ciri-ciri atau bentuk kelas itu sesuai dengan bilangan pelajar dan memadai bagi penyampaian pengajaran kelas tersebut.

Pengajaran seperti ini sukar diaplikasikan dalam kelas yang besar dan tidak tetap. Konsep kelas yang dipenuhi dengan bahan-bahan budaya amat sesuai dan berkesan kerana para pelajar akan berhadapan atau melihat sendiri benda atau perkara yang sama setiap hari. Justeru kaedah pengajaran seperti ini sememangnya menepati kerangka teori Skinner (1957) yang menerapkan aspek ransangan dan maklum balas, iaitu antara aspek budaya tersebut dengan para pelajar. Di sini saya bersetuju dengan Cook (2001), Marton (1988) dan Richards & Rogers (1986) yang mengatakan bahawa teknik pengajaran bahasa boleh melalui pelbagai kaedah, yang lebih penting ialah strategik yang digunakan dan gaya penyampaian seseorang guru dalam menyampaikan pengajarannya.

8.0 Bibliografi

- Atiah Hj. Mohd Salleh & Ramlah Muhamad (Penyelenggara) (2003) *Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burgess, R. 1984. *In The Field: An Introduction to Field Research*. London: Routledge.
- Cook V. (2001) *Second Language Learning and Language Teaching* (3rd Ed) London, Arnold.
- Hadley A.O. (2001) *Teaching Language in Context* (3rd ed). University of Illinois: Heinle & Heinle, Thomson Learning.

- Kramsch C. (2001) *Context and Culture in Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Mardian Shah Omar et.al. (2015) International Journal of Educational Science and Research (IJESR). “Ability to Use Word Order in Learning Malay Language By International Students” Vol.5, Issue 2, 2015. Transstellar Pvt. Ltd.
- Media Sandra Kasih (2004) *Dewan Bahasa* Julai 2004 “Bahasa Melayu di Mata Penutur Asing”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Afif Abidin (2004) *Dewan Bahasa* Julai 2004 “Pengajaran Bahasa Melayu Laras Ilmiah Kepada Pelajar Asing”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skinner B.F. (1957) *Verbal Behavior*. New York: Appleton-Century-Crofts.
- Uthaya Sankar SB (2004) *Dewan Bahasa* Julai 2004 “Pengajaran Bahasa Kebangsaan Kepada Pelajar Luar Negara”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah (2008) *Dewan Bahasa* Januari 2008 “Mengantarabangsakan Bahasa Melayu”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.